

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 10/12/2019	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	: UMUM		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

# Atasi isu ceroboh tanah haram

**Pahang sambut baik tempatkan anggota ATM, PGA di Cameron Highlands**

NIK AMIRUL MU'MIN  
NIK MIN

KUANTAN

**K**erajaan Pahang menyambut baik keputusan kerajaan untuk menempatkan anggota keselamatan dalam kalangan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Pasukan Gerakan Am (PGA) sepanjang operasi penguatkuasaan khususnya 'Ops Lestari' yang dilaksanakan di kawasan Cameron Highlands.

Anggota keselamatan bagi tujuan kawalan, rondaan serta *show of presence* di harap dapat menangani dan mengatasi isu-isu berkaitan pencero-bohan tanah secara harfiah di kawasan tanah tinggi itu.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, pendirian itu sebagai mung-langi komitmen kerajaan Pahang untuk terus berusaha memelihara dan memulihara serta membangunkan kawasan tanah tinggi Cameron Highlands secara lebih lestari.

Komitmen kerajaan negeri itu disampaikan pada Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highlands yang dipengerusikan bersama antara Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan



Wan Rosdy bersama Dr Wan Azizah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highlands di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur semalam.

Ismail dan beliau di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur semalam.

Wan Rosdy berkata, kerajaan Pahang akan mengenal pasti kuartern kerajaan di Sungai Burung, Brinchang di mana kos pembaikan dan penyediaan utiliti akan ditanggung

Majlis Keselamatan Negara. Menurutnya, kerajaan Pahang juga meluluskan peruntukan RM150,000 yang disalurkan menerusi Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands bagi menampung keperluan makan-mininum serta bekalan minyak kenderaan

anggota-anggota keselamatan tersebut. "Sebagai tambahan kepada peranan ATM dan PGA, kerajaan negeri telah meluluskan penubuhan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) yang menggabungkan agensi-agensi penguatkuasaan

kerajaan Pahang untuk turut membantu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Wan Rosdy berkata, operasi penguatkuasaan Fasa 2 'Ops Lestari' yang berjalan pada April 2019 khususnya di Sungai Lohat tertangguh ekoran tindakan injunksi mahkamah yang diambil 28 pekebun kecil.

Katanya, injunksi itu telah ditarik balik pada 30 September lalu sekali gus membolehkan kerja-kerja pengekuaasaan dilaksanakan semula melibatkan kawasan seluas 97.12 hektar.

"Ia merupakan sambutan kepada Fasa 1 'Ops Lestari', melibatkan tanah seluas 24.28 hektar yang bermula 25 Februari dan selesai dilakukan dengan jayanya pada 19 Mac 2019," katanya.